

25 FEB 2001

Mahathir-PAS

UMNO MASIH MAHU PERTEMUAN DENGAN PAS, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 25 Feb (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti itu masih berminat untuk mengadakan pertemuan bersama PAS walaupun pertemuan yang dicadangkan sebelum ini ditunda selepas parti pembangkang itu menetapkan syarat-syarat untuk bertemu.

"Ya kita mahu bertemu dengan mereka dan berbincang, tak ada subjek pun tak kisah, bertemu sahaja," kata Perdana Menteri hari ini apabila ditanya mengenai pertemuan itu dan sama ada ia masih boleh diteruskan.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan perlumbaan Formula One Bot Laju Malaysia di sini, Dr Mahathir berkata beliau sebenarnya mengharapkan untuk bertemu presiden PAS Datuk Fadzil Noor apabila pulang ke Alor Star untuk menyambut Hari Raya Haji.

"Saya bercadang untuk menunaikan solat di masjid baru di Kampung Alor Malai di mana Fadzil tinggal tetapi pemimpin PAS itu tidak akan ada di situ kerana pergi menunaikan Haji," kata beliau lagi.

Umat Islam di Malaysia akan menyambut Hari Raya Haji pada 6 Mac.

"Untuk sembahyang raya, saya akan ke sana. Kali terakhir saya ke sana, saya menemuinya. Jadi saya berharap apabila saya pergi ke sana semasa Hari Raya Haji, saya akan bertemu dengannya sekali lagi tetapi kini beliau telah memutuskan untuk pergi ke Arab Saudi untuk mengerjakan Haji," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada Fadzil cuba mengelaknya, Dr Mahathir berkata: "Itu saya tak kata apa, itu you kata."

Dr Mahathir berkata Umno telah berusaha untuk mengadakan pertemuan itu demi penyatuan bangsa Melayu tetapi PAS telah menimbulkan syarat-syarat baru walaupun selepas Umno setuju kepada permintaan PAS untuk membincangkan perpaduan nasional dan bukan perpaduan Melayu.

"Dia harap kita tolak, kita tak tolak, kita nak tunggulah. Kita hendak, seribu cara kita buat supaya kita dapat adakan pertemuan ini.

"Sekarang ini, nak suruh kita bagi, bagi duit, itu kita tak bolehlah. Kita nak bincang boleh, tapi nak suruh kita bagi itu, bagi ini, tak payahlah kut," kata Dr Mahathir.

Kepada soalan lain sama ada PAS mahu menyukarkan keadaan untuk meneruskan pertemuan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, anda boleh membuat kesimpulan sendiri. Saya tak nak kata apa.

Pertemuan perpaduan yang dijadualkan pada 19 Feb ditunda selepas PAS menetapkan beberapa syarat untuk dipenuhi.

Antara syarat itu ialah penerbitan lidah rasminya "Harakah" dibenarkan dua kali seminggu seperti sebelum ini dan bukan sekali setiap minggu seperti sekarang ini.

Ia juga mahukan kerajaan mengembalikan royalti petroleum kepada Terengganu, yang kini di bawah pemerintahan PAS dan jangan melarang penggunaan perkataan "Islam" pada parti-parti politik.

-- BERNAMA

TCL PR